

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca helaian pendedahan produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengeluarkan Polisi Insurans Motor Komprehensif. Pastikan juga untuk membaca terma-terma am dan syarat-syarat)

KURNIA INSURANS (M) BHD

Polisi Insurans Motor Komprehensif
1 Januari 2010

1. Apakah Produk Insurans Motor Komprehensif Kereta Persendirian?

Polisi ini menyediakan perlindungan yang paling luas, iaitu kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga, kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga dan kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan.

2. Apakah jenis-jenis perlindungan / faedah yang diberi di bawah Perlindungan Komprehensif Kereta Persendirian?

Perlindungan	Polisi Komprehensif
Liabiliti kepada Pihak Ketiga akibat: <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan • Kematian • Kerugian/kerosakan harta benda 	✓
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian	✓
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan	✓
Liabiliti kepada pemandu & penumpang kenderaan sendiri (harta benda, kecederaan tubuh badan, kematian)	✗

Pilihan faedah tambahan yang anda ingin beli dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan cermin kenderaan
- Perlindungan liabiliti penumpang
- Kerosakan akibat daripada banjir dan tanah runtuh
- Pampasan Untuk Masa Pembaikan yang Ditaksirkan (PMPD – Pampasan terhadap kehilangan daya guna kenderaan anda)

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada amaun yang diinsuranskan, kelayakan Diskaun-Tanpa-Tuntutan (DTT), pilihan manfaat tambahan dan keperluan pengunderaitan sesebuah syarikat insurans.

Contoh:

- Perlindungan standard: Premium RM745.50 untuk nilai insurans RM20,000.00 bagi kenderaan dengan keupayaan enjin dibawah 1650
- Diskaun-Tanpa-Tuntutan (DTT): 55%
- Premium tambahan sebanyak RM90.00 untuk perlindungan cermin kenderaan berjumlah RM600.00.
- Premium tambahan sebanyak RM70.00 untuk perlindungan PMPD sehingga 14 hari, RM50.00 sehari.

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar ialah: RM505.47

4. Apakah jenis yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Komisen yang dibayar kepada ejen insurans
* 10% daripada premium kasar
- Duti Setem
* RM10.00
- Cukai Perkhidmatan (Untuk kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat)
* 5% daripada premium kasar

5. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat yang harus saya ambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti menyatakan semua fakta penting yang berkaitan seperti kemalangan yang dialami sebelum ini dan pengubahsuaian enjin kenderaan.
- Klausa Purata diguna pakai jika kenderaan diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasaran melebihi 10% pada masa kerugian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan secukupnya untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.
- Ekses (Lebihan), jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sekiranya kenderaan anda dipandu oleh seseorang yang bukan dinamakan di dalam polisi: RM400.00
- "Betterment" akan dikenakan jika alat lama diganti dengan alat francais baru semasa membaiki kerosakan kenderaan (umur kenderaan adalah lima tahun dan ke atas) akibat kemalangan. Anda akan menanggung perbezaan kos terbabit (bergantung kepada umur kenderaan anda) kerana kenderaan anda yang telah dibaiki kini berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum ia ditimpa kemalangan.

6. Apakah pengecualian-pengecualian dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kematian atau kecederaan anggota diri sendiri akibat kemalangan
- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang-penumpang dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat kejadian alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh; dan
- Segala kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kegagalan/kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik.

Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk melihat keseluruhan pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi insurans saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat Insurans. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat pengembalian premium berdasarkan kadar jangka pendek, dimana sebarang premium minima dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan.

8. Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah perkhidmatan / faedah yang saya boleh diperolehi daripada polisi komprehensif kenderaan persendirian Kurnia Insurans?

- **Kurnia Auto Assist**
24-jam Bantuan Kerosakan / Kemalangan / Khidmat Tunda (Percuma sehingga 30km). Simpan 1800-88-3833 ke peti 'speed dial' anda hari ini.
- **Kurnia Express Claim**
Pembayaran segera dan mudah untuk ganti rugi kenderaan sendiri dan cermin kereta di dalam bentuk tunai. Kami membuat pembayaran secara terus ke akaun bank anda.
- **Kurnia SMS Reminder**
Peringatan SMS untuk status pembaharuan polisi dan tuntutan.
- **Kurnia Panel Workshop**
Khidmat baiki kenderaan yang mudah dengan lebih daripada 400 bengkel panel seluruh negara.

10. Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan?

- Buat laporan polis dalam masa 24 jam.
- Maklumkan syarikat insurans anda secara bertulis dengan memberi butir-butir lengkap dengan segera selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah polisi ini.
- Tuntutan kerosakan sendiri kereta persendirian – apabila membuat tuntutan, kerosakan kenderaan mestilah dikendalikan oleh bengkel panel yang diluluskan oleh kami.

11. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil *infoinsurans* untuk "Insurans Motor" yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan dari ejen insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

KURNIA INSURANS (MALAYSIA) BERHAD

Menara Kurnia, No. 9 Jalan PJS 8/9,
46150 Petaling Jaya,
P.O.Box 8607, 46792 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-78753333
Faks: +603-78759933
Emel: corporate@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com
One Touch Help Line: 1800-88-3833
SMS: 32933 (Pertanyaan Diskaun-Tanpa-Tuntutan)

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 1 Januari 2010.